

TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN UTeM
KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA
(SUKUM) KALI KE-44, 2022

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

12 September 2022, Dewan Pusat Sukan UTeM, 8.30 Pagi

Terima Kasih Pengacara Majlis

Yang Berusaha Prof. Dr. Zulkiflie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin
Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Merangkap

Ketua Kontinjen UTeM

Yang Berusaha Encik Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

Yang Berusaha Encik Khairul bin Taib
Bendahari
Merangkap Timbalan Ketua Kontinjen 1

Yang Berusaha Profesor Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani
Ketua Pegawai Maklumat

Yang Berusaha Encik Azhar bin Mohd Salleh
Pengarah Pusat Sukan
Merangkap Timbalan Ketua Kontinjen 2

Barisan Atlet, Pegawai Kontinjen UTeM, Pegawai-pegawai Pejabat HEPA serta keluarga UTeM yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia, Salam Keluarga UTeM



1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat illahi kerana dengan keizinanNya, dapat kita berhimpun bersama-sama pada pagi yang indah ini bagi menjayakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinen UTeM, Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) Kali Ke-44, 2022.
2. Setelah 2 tahun SUKUM tidak dapat dianjurkan kerana penularan Pandemik COVID-19, alhamdulillah pada tahun ini ia dapat dianjurkan semula dan UTeM tidak terkecuali untuk menghantar atlit-atlit staf kita ke Kejohanan yang berprestij di kalangan warga Universiti ini.

Hadirin dan Hadirat, Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian,

3. UTeM, sebagai sebuah universiti yang berfokus di dalam bidang teknikal, senantiasa meletakkan agenda kesukanan sebagai salah satu elemen terpenting yang menentukan tahap kecemerlangan universiti. Ini bagi memastikan keseimbangan di kalangan Staf Universiti yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek kerjaya masing-masing, malah turut meraih kejayaan dalam bidang yang lain, terutamanya bidang sukan.

4. Dalam usaha membawa agenda kesukanan ke tahap yang lebih tinggi, UTeM senantiasa menganjurkan pelbagai program kesukanan yang merentasi fakulti dan jabatan sebagai salah satu acara tahunan. Antaranya adalah seperti Sukan Antara Fakulti dan Sukan Antara Jabatan di mana ia merupakan platform bagi mencari atlit-atlit mewakili Universiti ke kejohanan yang lebih tinggi seperti SUKIPT dan SUKUM.

5. Penganjuran program seumpama ini dilihat bukan sahaja dapat melahirkan Keluarga UTeM yang holistik dan berkompetensi tinggi, mahal lebih dari itu, dapat

meningkatkan lagi visibiliti dan kecemerlangan institusi pendidikan tinggi di negara ini ke peringkat yang lebih membanggakan, menerusi penyertaan para atlet yang mewakili IPT masing-masing dalam kejohanan sukan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti SUKMA, ASEAN University Games, Sukan SEA, Kejohanan Sukan Universiti Dunia, dan lain-lain lagi

جامعة ملاكا التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Para Hadirin Sekalian,

6. Pengurusan Tertinggi UTeM sangat memandang serius dan menyokong penyertaan staf dalam bidang sukan. Oleh yang demikian, dasar sukan staf akan diperkemaskan lagi bagi memastikan segala perancangan daripada aspek sukan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih teratur.

7. Antara dalam perancangan adalah pemansuhan skim sukan di mana selepas ini, tiada lagi Skim A, Skim B mahupun Skim C bagi penyertaan sukan di kalangan pelajar dan staf. Sebaliknya atlit-atlit Universiti yang akan mewakili UTeM

diberi tajaan sepenuhnya oleh Universiti dari segi yuran penyertaan, penginapan dan elaun-elaun yang terlibat.

8. Oleh yang demikian, saya berharap agar para atlit dan pegawai pasukan dapat mempamerkan aksi terbaik dan semangat juang yang tinggi di sepanjang kejohanan SUKUM dan juga lain-lain kejohanan sukan yang akan datang dan membawa nama UTeM di persada kebangsaan dan antarabangsa.

9. Akhir kata, semoga segala usaha rapi kita ini dapat mencipta kejayaan di kejohanan SUKUM. Saya mengucapkan terima kasih kepada atlit-atlit UTeM yang akan bertanding dan semoga kemenangan akan menjadi milik UTeM.

10. UTeM sihat, Warga Cemerlang, Penjana Komuniti Aktif.

Sekian, Terima kasih.

